

18 JUL 1996

#### KEAHLIAN ASEM MENJADI TUMPUAN RAMAI

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Sementara 25 pemimpin Asia dan Eropah berusaha untuk menzahirkan komitmen untuk mempertingkatkan kerjasama, soalan sama ada mengembangkan keahlian Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) akan terus menjadi tumpuan ramai, kata seorang ahli sains politik Perancis hari ini.

"Walaupun sebelum sidang kemuncak pertama di Bangkok Mac lalu, negara lain seperti Australia, New Zealand dan India ingin meyertai sama," kata Dr David Camroux dari Yayasan Kebangsaan untuk Sains Politik.

Asem harus mempertimbangkan sama ada untuk memperluaskan atau mengekalkan keahlian yang sedia ada bagi memperdalamkan hubungan Asia-Eropah, kata beliau pada kuliah "Mesyuarat Asia-Eropah Pertama, Mac 1996: Penting atau Tidak Penting" yang dianjurkan oleh Instituti Strategik dan Kajian Antarabangsa

Dr Camroux menyatakan kemasukan ahli baru pada peringkat ini akan memberi kesan kepada Asean, yang mana ia mempunyai kelebihan sebagai badan serantau yang terlibat dalam forum Kerjasama Asia Pasifik (Apec), Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan forum serantau Asia.

Penolong Ketua Pengarah ISIS Dr Steven Leong berkata Asean akan kekal kerana kewibawaannya dan keahlian yang akan menjadi 10 menjelang tahun 2000 akan menjadikannya kumpulan yang kukuh mewakili seramai 500 juta orang.

"Apa yang penting adalah untuk mengambil sikap tolak ansur ... India mungkin akan menjadi ahli, begitu juga dengan Australia dan New Zealand, tetapi hanya masa yang akan menentukannya," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, apabila ditanya pandangannya berkaitan keahlian di sidang kemuncak Asem di Bangkok, berkata "kita harus memperdalam dan perlihatkan keberkesanan Asem."

Berkaitan dengan Eropah, Dr Camroux menyatakan mereka akan mengkaji keahlian Switzerland, negara-negara Kesatuan Eropah, Norway, Finland dan Rusia.

Sama ada negara-negara tersebut akan dijemput ke sidang kemuncak yang akan datang di London dalam tahun 1998 dan selepas itu di Korea Selatan akan diputuskan secara bersama, kata beliau.

Dr Camroux merumuskan dengan mengambil kira masyarakat antarabangsa dan hubungan serantau hubungan Asia-Eropah adalah sangat bermakna. -- BERNAMA

MR RIF/sia